

B

**ANALISA TENTANG REKABENTUK DAN KEPERLUAN
GOLONGAN CACAT DAN KURANG UPAYA DI KOMPLEKS
MEMBELI-BELAH.**

Oleh :
SHAMSIDA BT SAIDAN KHADERI
Sidang 2000/2001

Latihan ilmiah yang dikemukakan kepada Pusat Pengajian Perumahan Bangunan dan Perancangan Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang bagi memenuhi sebahagian daripada syarat-syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Pengurusan Projek.

ABSTRACT

The built environment is full of obstacles that prevent disabled persons from moving about freely and safely. For wheel chair users, steps are obstacles. Blind people are endangered by the absence of safety features that can hear and touch. Most shopping complex in Malaysia have not been designed to welcome users with disabilities.

In Malaysia, although we have such standards, however, the implementations are still very poor. Therefore awareness of the importance of providing facilities for people with disabilities should be stressed including the authority, users, developers and professionals such as Planner, Architect, Quantity Surveyor etc. This is very importance in order access for disabled persons can be provided in all buildings inside and outside.

Common problems faced by disabilities are no toilet facilities for disabled, no ramp, wrong materials used for floor finishes, no railings and grabrails in the toilet. In this context, I refer to physical barriers should be omitted or reduced to minimum to all buildings whether it is inside or outside buildings so that people with disabilities and able-bodied people can use the space without any obstacle, and movement of people either vertically or horizontally can be done easily.

Good examples from overseas writer and in Malaysia will be discussed together with the ideas on how to improve / solve the problems. This thesis also discussed on how improvement of law and policy can make their live better.

As such their mobility are impaired and so their interactions with other people are restricted to their mutual detriment. Architectural design should strive to eliminate the barriers to social interaction between the physically disabled and the rest of our society.

The accessibility of buildings to the disabled persons is now widely discussed. For practicing Architects, the design for accessibility to buildings should be more than lip-service human interest, it should and must be a professional responsibility.

The purpose of this research to be used as a guide book to make the movements of the physically disabled easier in the accessibility of shopping complex building. It is the objective of this research of this research to draw the attention of people involved in the design and construction of buildings in Malaysia today to the plight of the disabled, who are human beings with design cannot ignore.

Besides, there were lots of difficulties and problems encountered mainly limited time and lack of manpower. Thus the research is carried out with special reference to Kuala Lumpur and Selangor, regarded as the pioneers in the field of rehabilitation of the disabled persons in Malaysia. It is also includes relevant information and data available from literature research since in physical terms, The problems of the disabled are much the same over the world where as the resolution may not be the same. As the whole, it treated as academic work, this research can be considered good exercise.

ABSTRAK

Di dalam persekitaran sekeliling terdapatnya pelbagai rintangan yang menghalang golongan cacat dan kurang upaya bergerak secara selamat dan bebas. Bagi pengguna berkerusi roda, kehadiran anak tangga adalah merupakan suatu rintangan. Bagi golongan but/kabur/warna pula sering berhadapan dengan bahaya kerana ketiadaan peralatan keselamatan yang mana memudahkan golongan ini mendengar dan menyentuhnya. Kebanyakan bangunan kompleks membeli-belah di Malaysia tidak direkabentuk untuk mengundang kemesraan ke atas penggunaan golongan cacat dan kurang upaya.

Di Malaysia, walaupun kita mempunyai Malaysian Standard yang telah ditetapkan tetapi perlaksanaannya adalah sangat kurang dan tidak dipraktikkan dengan sepenuhnya. Oleh itu kesedaran terhadap kepentingan di dalam penyediaan kemudahan bagi golongan cacat dan kurang upaya haruslah ditekankan oleh pelbagai pihak-pihak tertentu iaitu pihak berkuasa, pengguna, pemaju dan para profesional seperti Perancang, Arkitek, Jurukur Bahan dan lain-lain. Ianya adalah amat penting bagi memastikan kemudahan laluan bagi golongan kurang upaya keluar masuk bangunan.

Permasalahan yang biasa dihadapi oleh golongan cacat dan kurang upaya adalah tiada kemudahan tandas, tiada ramp, penggunaan bahan yang tidak sesuai untuk kemasa lantai, tiada pemegang dan 'railing' di dalam tandas dan lain-lain. Dari fenomena ini, kajian yang dibuat merujuk kepada rintangan fizikal yang harus diubah atau dikurangkan dengan minimum bagi semua bangunan kompleks membeli-belah samada ianya diluar amhupun di dalam bangunan tersebut supaya semua golongan cacat dan kurang upaya boleh menggunakan ruang tanpa adanya halangan dan pergerakan mendatar dan menegak dibuat dengan mudah dan senang.

Terdapat contoh-contoh yang diambil dari penulis luar negara dan Malaysia yang digunakan bagi mendapatkan idea bagaimana untuk menyelesaikan permasalahan yang dihadapi. Tesis ini juga menyentuh tentang bagaimana untuk membuat pembaikan ke atas polisi dan undang-undang bagi memastikan golongan kurang upaya dapat menjalani hidup dengan lebih baik.

Oleh kerana pergerakan golongan ini adalah terhad maka tindakbalas golongan ini dengan golongan normal adalah terbatas kepada bahaya yang mungkin timbul. Rekabentuk kemudahan yang dibuat oleh Arkitek haruslah dibuat dengan baik bagi membuang segala rintangan bagi tindakbalas sosial antara golongan kurang upaya yang menghadapi masalah fizikal dan lain-lain jenis kecacatan.

Kemudahan laluan masuk bagi sesebuah bangunan bagi golongan kurang upaya sering dibincangkan secara meluas. Bagi Arkitek, rekabentuk kemudahan untuk laluan masuk ke bangunan haruslah lebih utama jika dibandingkan dengan kemudahan perkhidmatan lain, ianya adalah merupakan tanggungjawab profesional yang terlibat secara lansung dengan bangunan yang dibangunkan.

Tujuan penyelidikan ini dibuat supaya ianya dapat digunakan sebagai satu panduan di dalam memastikan golongan cacat dan kurang upaya bergerak dengan mudah di dalam kompleks membeli-belah. Ianya juga merangkumi objektif penyelidikan ini iaitu


memastikan kesemua golongan yang terlibat di dalam pembinaan bangunan di Malaysia mengambilkira keadaan yang sukar yang sering dihadapi oleh golongan kurang upaya di mana rekabentuk kemudahan bagi golongan ini haruslah diambilkira.

Disamping itu, terdapatnya beberapa kesukaran di dalam menghasilkan tesis ini terutamanya kekurangan masa dan tenaga kerja. Oleh itu penyelidikan ini terutamanya kajian kes ini banyak dibuat rujukan disekitar Kuala Lumpur dan Selangor yang mana ramainya terdapat golongan kurang upaya yang berdaftar di sini. Ianya juga termasuklah informasi yang bersesuaian dan data yang terkini dari kajian literatur dan juga soal-selidik. Masalah yang dihadapi oleh golongan cacat dan kurang upaya adalah mempunyai persamaan di antara semua negara diseluruh dunia tetapi penyelesaiannya adalah berlainan. Akhir sekali, kajian ini adalah merupakan satu kertas kerja akademik dan ianya adalah merupakan satu latihan yang baik.

PERAKUAN

Desertasi ini disampaikan di dalam kajian ilmiah bagi memenuhi syarat-syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Sains Pengurusan Projek, Universiti Sains Malaysia. Ia adalah hasil penyelidikan saya sendiri kecuali yang dinyatakan.

Desertasi ini belum pernah diserahkan dan diterima sepenuhnya atau sebahagian daripadanya bagi memenuhi sebarang ijazah dan masa ini tidak dikemukakan untuk mana-mana ijazah lain.



Shamsida bt. Saidan Khaderi

Disahkan oleh:

Dr. Abdul Rashid Abdul Aziz

Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan

Universiti Sains Malaysia

Pulau Pinang

Mac 2001

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan limpah rahmatnya dapat saya menyiapkan disertasi bagi Ijazah Sarjana Pengurusan Projek. Di sini, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan bantuan dan tunjuk ajar dalam menjayakan kajian ini.

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dr. Abdul Rashid B. Abdul Aziz selaku penyelia saya yang telah memberi bimbingan dan pandangan yang meransangkan idea-idea penulisan tesis ini. Ucapan terima kasih juga turut ditujukan kepada kesemua staf dan kakitangan pepustakaan utama dan pepustakaan II USM juga kakitangan dan pensyarah-pensyarah di UiTM Sri Iskandar Perak.

Saya ingin juga menghulurkan penghargaan kepada semua responden saya atas kesudian meluangkan masa dan memberikan kerjasama yang amat baik semasa kajian soal-selidik walaupun terdapat beberapa kesukaran yang dihadapi. Akhir sekali, tidak dilupakan kepada ahli keluarga dan rakan-rakan seperjuangan saya dalam memberikan sokongan moral dan bantuan kepada saya sepanjang tempoh pengajian di Universiti Sains Malaysia. Terima kasih saya ucapkan.

ISI KANDUNGAN

Mukasurat

<i>Abstract</i>		<i>i</i>
<i>Abstrak</i>		<i>ii</i>
<i>Penghargaan</i>		<i>iv</i>
<i>Isi kandungan</i>		<i>v</i>
<i>Senarai jadual</i>		<i>ix-xi</i>
BAB 1.0	Pengenalan Kajian	1
1.1	Isu kajian	3-5
1.2	Masalah-masalah kajian	5-6
1.3	Matlamat kajian	6
1.4	Objektif projek/kajian	6
1.5	Metodologi	7
	1.5.1 Kajian literatur	8
	1.5.2 Soal selidik	9
	1.5.3 Menemuduga	9
	1.5.4 Kajian kes	9
1.6	Skop kajian	10
1.7	Batasan-batasan kajian	11
BAB 2.0	TAKRIFAN GOLONGAN CACAT DAN KURANG UPAYA SERTA AKTA YANG TERLIBAT	
2.1	Definisi dan takrifan	12
2.2	Kategori golongan cacat dan kurang upaya	14-15
2.3	Perkhidmatan pemulihan orang kurang upaya	15-17
2.4	Polisi golongan kurang upaya yang berdaftar di Malaysia	17
2.5	Akta dan perundangan yang terlibat dengan kehendak golongan Cacat dan kurang upaya	18-23
BAB 3.0	KAJIAN LITERATUR	
3.1	Pengenalan	24

3.2	Keperluan terhadap pembangunan dan perubahan Akta bagi Golongan kurang upaya (Malaysian Standard Codes)	24-29
3.3	Kesan-kesan pelaksanaan Akta tersebut ke atas rekebentuk Bangunan kompleks membeli-belah	29-33
3.4	Masalah-masalah dan halangan yang sering dihadapi oleh Golongan kurang upaya	33-36
3.4.1	Fokus golongan cacat dan kurang upaya	36-39
3.5	Peranan kerajaan di dalam menangani masalah ini	39-41
3.5	Tanggungjawab dan peranan-peranan yang dimainkan oleh Arkitek, Jurutera, Perancang, Pihak pemaju dan orang ramai	42-45
3.6	Arkitek dan rekabentuk/model yang bersesuaian bagi golongan Cacat dan kurang upaya	46-48
3.7	Rumusan dan kesimpulan	48-49
BAB 4.0	KOMPLEKS MEMBELI-BELAH SEBAGAI SATU RUANG AWAM YANG PENTING DALAM ALAM BINA	
4.1	Pengenalan	50
4.2	Objektif-objektif perancangan dan rekabentuk suatu kompleks Membeli-belah	51
4.3	Kemudahan golongan kurang upaya dalam kompleks membeli-Belah	55
4.4	Keperluan dan kepentingan kemudahan bagi golongan kurang Upaya	56
4.5	Faktor-faktor yang dipertimbangkan dalam penyediaan Kemudahan bagi golongan kurang upaya	57
4.5.1	Faktor keselamatan	57
4.5.2	Faktor keselesaan	58
4.5.3	Faktor estatik	58
4.6	Jenis-jenis kemudahan awam yang terdapat di dalam kompleks Membeli-belah	59
4.6.1	Tempat letak kereta	59

4.6.2	Lerengan /ramp	60
4.6.3	Tangga	61
4.6.4	Susun tangan /handrail	62
4.6.5	Ruang masuk utama	63
4.6.6	Pintu	63
4.6.7	Kemasan lantai	64
4.6.8	Ruang laluan /circulation space	65
4.6.9	Lif	66
4.6.10	Kemudahan tandas	68
4.6.11	Papan tanda dan simbol	69
4.6.12	Alat kawalan	70
4.7	Kesimpulan	71
BAB 5.0	KAJIAN KES	
5.1	Pengenalan	72-73
5.2	Latar belakang projek/kajian	73-79
5.3	Kemudahan golongan cacat dan kurang upaya yang disediakan	79
5.3.1	Kajian kes 1	81
5.3.2	Kajian kes 2	83
5.3.3	Kajian kes 3	87
5.3.4	Kajian kes 4	89
5.3.5	Kajian kes 5	91
5.3.6	Kajian kes 6	93
5.3.7	Kajian kes 7	94
5.3.8	Kajian kes 8	96
5.4	Kesimpulan	97-101
BAB 6.0	ANALISA SOAL-SELIDIK DAN KEPUTUSANNYA	
6.1	Pengenalan	102
6.2	Berkenaan kajian soal selidik	102
6.3	Analisa ke atas keputusan yang diterima	106

6.3.1	Bahagian A-Perkara umum yang diambil kira	106
6.3.2	Bahagian B-Kemudahan fizikal	113
6.4	Kesimpulan	122
6.5	Pengujian rumusan soal selidik dengan literatur kajian	123-125
BAB 7.0	PENEMUAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	
7.1	Penemuan	126
7.2	Kesimpulan	129
7.3	Cadangan	131
7.3.1	Mewujudkan pendaftaran orang cacat dan kurang upaya	131
7.3.2	Menguatkuasakan penggunaan MS 1184	132
7.3.3	Memberi kesedaran kepada orang ramai	134
7.3.4	Meningkatkan peruntukan kewangan	135
7.4	Cadangan kajian lanjutan	137

BIBLIOGRAFI

LAMPIRAN

Jadual 1.0	: Menunjukkan aliran metodologi kajian	7
Jadual 2.0	: Menunjukkan bilangan orang cacat mengikut peringkat umur	16
Jadual 4.1	: Saiz minimum huruf mengikut jarak penglihatan	70
Jadual 5.1	: Menunjukkan jenis kemudahan yang ada pada bangunan yang dikaji.	80
Jadual 6.1	: Menunjukkan agihan hantaran kepada responden	102
Jadual 6.2	: Menunjukkan peratusan jawapan dari responden berdasarkan Bahagian A.	104
Jadual 6.3	: Menunjukkan peratusan jawapan dari pihak responden berdasarkan Bahagian B.	111
Jadual 6.4	: Menunjukkan peratusan jawapan mengenai jenis kemudahan.	116

Gambar 4.1	: Channel 4's London adalah sebuah bangunan contoh yang memberi kemudahan kepada golongan kurang upaya.	51
Gambar 4.2	: Kemudahan bagi laluan orang berkerusi roda untuk turun dan menaiki tangga.	53
Gambar 4.3	: Menunjukkan laluan yang diletakkan tone warna.	55
Gambar 5.1	: Pintu masuk menuju ke bangunan Jaya Jusco	74
Gambar 5.2	: Pemandangan pintu masuk utama sekitar Suria KLCC.	75
Gambar 5.3	: Pemandangan pintu masuk utama bangunan Sunway Pyramid.	76
Gambar 5.4	: Ramp yang dibina tidak mengikut kehendak yang ditetapkan.	81
Gambar 5.5	: Menunjukkan kemudahan tandas bagi golongan kurang upaya.	82
Gambar 5.6	: Menunjukkan kawasan meletak kereta.	83
Gambar 5.7	: Menunjukkan kawasan laluan yang selesa.	83
Gambar 5.8	: Menunjukkan kemudahan tangga bagi golongan kurang upaya.	84
Gambar 5.9	: Menunjukkan papan tanda petunjuk arah yang jelas.	85
Gambar 5.10	: Menunjukkan kemudahan tandas bagi golongan kurang upaya.	86
Gambar 5.11	: Menunjukkan kemudahan membuka pintu.	87
Gambar 5.12	: Menunjukkan sistem konveyor.	88
Gambar 5.13	: Ramp yang dibina dihadapan Sunway Pyramid.	89
Gambar 5.14	: Pintu masuk kawasan meletak kereta.	90
Gambar 5.15	: Kawasan khas meletak kereta bagi golongan cacat.	91
Gambar 5.16	: Kemudahan telefon yang disediakan.	92

Rajah 4.1	: Simbol antarabangsa untuk golongan cacat dan kurang upaya.	56
Rajah 4.2	: Kehendak-kehendak yang terdapat di dalam ruang lif.	66
Rajah 4.3	: Kehendak umum bagi tandas golongan kurang upaya.	68
Rajah 4.4	: Contoh simbol beserta petunjuk arah.	69

BAB 1.0 - PENGENALAN KAJIAN

Perkembangan industri pembinaan semakin pesat dan menggalakkan. Oleh itu kepelbagaian rekabentuk bangunan terutamanya bagi bangunan kompleks membeli-belah dan kediaman menampilkan kepelbagaian yang cantik serta menarik. Secara amnya kepelbagaian rekabentuk ini adalah untuk menarik minat pembeli. Tetapi penekanan yang lebih serius perlu ditekankan bagi mendapatkan bangunan yang lebih selesa, sesuai serta selamat bagi pengguna terutamanya bagi golongan kurang upaya, golongan tua dan golongan kanak-kanak.

Ketiga-tiga golongan ini adalah golongan yang istimewa yang mana penekanan aspek keselamatan yang lebih serius dan terjamin dalam sesebuah bangunan itu amatlah penting. Ciri-ciri keselamatan bagi sesebuah bangunan itu telah ditetapkan mengikut undang-undang yang sediaada. Namun begitu, kebanyakan aspek keselamatan yang ada adalah cukup selamat bagi penghuninya secara am sahaja. Dari senario di atas dapatlah dilihat bahawa, tidak ramai yang berpengetahuan tentang teknik yang sesuai untuk membantu golongan kurang upaya.

Golongan cacat dan kurang upaya menurut bancian Jabatan Kebajikan Masyarakat hanyalah meliputi 1% daripada jumlah penduduk di Malaysia. Namun begitu penggunaan kemudahan bantuan di setiap rekabentuk bangunan tidak hanya terhad kepada golongan ini semata-mata tetapi terdapat juga pengguna lain yang turut menggunakannya. Dalam masa yang sama, secara umumnya semua lapisan masyarakat memerlukannya berdasarkan kepada kepentingannya dan mendapat faedah

daripada kemudahan ini yang bertindak menjadikan sesuatu bangunan itu berfungsi untuk jangka masa panjang untuk semua golongan.

Sepertimana yang kita ketahui bahawa negara kita menuju ke arah negara yang maju yang mana banyaknya bangunan pencakar langit dibina. Kompleks membeli-belah juga adalah merupakan salah satu bangunan yang banyak dibina di negara kita. Sekiranya ada kawasan baru, maka wujudlah berbagai jenis bangunan termasuklah bangunan kompleks membeli-belah tidak kira samada besar atau kecil. Fenomena ini banyak dilihat di kawasan yang mempunyai populasi penduduk yang tinggi dan mempunyai pendapatan yang tetap.

Antara kompleks membeli-belah yang banyak dibina dan ada di setiap negeri ialah 'The Store, Jaya Jusco, Carrefour, Makro, Sunway Pyramid, Midvalley, Sogo, KL Suria, Lot 10 dan lain-lain lagi. Kompleks membeli-belah ini sesuai untuk semua golongan termasuklah golongan yang berpendapatan rendah. Kesemua kompleks membeli-belah ini memenuhi kehendak dan citarasa pelanggan yang datang terutamanya dari golongan atasan. Tetapi adakah kita terfikir bahawa ada juga golongan yang ingin merasai kenikmatan yang dihadapi oleh golongan biasa.

Kajian ini memberikan satu pendedahan untuk melihat kesukaran yang dialami oleh golongan cacat dalam menjalani kehidupan seharian disamping golongan normal, terutamanya pergerakan individu ini yang membabitkan urusan di dalam bangunan iaitu bangunan kompleks membeli-belah. Pergerakan yang terhad oleh golongan ini di dalam bangunan tersebut adalah disebabkan ketiadaan ataupun kekurangan kemudahan bantuan seperti landas, susur tangan, laluan khas dan sebagainya.

Melihat kepada perkembangan semasa senibina Malaysia, tidak dinafikan ia menuju ke arah yang menggalakkan. Namun dalam kemajuan itu hanya segelintir pihak terutamanya Arkitek yang cuba menerapkan kemudahan bagi golongan ini pada bangunan tetapi ada kalanya tidak memenuhi kepentingannya dalam sesuatu ruang. Kepelbagaian rekabentuk yang estetik kadangkala mengabaikan aspek keselamatan terhadap bangunan yang dibina.

Oleh yang demikian, untuk mengelakkan dari berlakunya sesuatu yang tidak diingini, penyediaan kemudahan seperti landas, susur tangan, lif khas, laluan pengguna berkerusi roda dan lain-lain bagi golongan cacat dan kurang upaya adalah wajar diadakan pada setiap rekabentuk bangunan di Malaysia. Ini adalah bertujuan untuk memastikan golongan ini dapat menggunakannya sepenuhnya bangunan tersebut tanpa sebarang batasan pergerakan.

1.1 Isu kajian

Golongan cacat dan kurang upaya sering menyuarakan kehendak agar keperluan serta kemudahan mereka di dalam bangunan disertakan, agar mereka dapat menggunakan perkhidmatan yang disediakan dalam keadaan selesa. Setiap bangunan awam seperti pusat perubatan, tempat keagamaan, sekolah dan kolej, dewan pertunjukkan, pasaraya, restoran dan hotel sepatutnya telahpun mempunyai kemudahan untuk golongan kurang upaya. Tetapi ianya masih lagi tidak dilaksanakan secara berkesan. Ianya hanya melibatkan segelintir pihak sahaja yang melaksanakan tanggungjawab tersebut.

Penekanan perlu dilakukan demi menjadikan kemudahan golongan kurang upaya dan cacat sebagai satu kehendak mahupun keperluan yang perlu ada pada bangunan. Menerusi akhbar juga, dapat dilihat, seringkali disuarakan kehendak golongan cacat dan kurang upaya agar keperluan serta kemudahan mereka di dalam bangunan disertakan sekali agar mereka dapat menggunakan perkhidmatan yang disediakan dalam keadaan selesa.

Berdasarkan petikan akhbar keluaran The Star bertarikh 19 September 1992 oleh penulis Foong Pek Yee antaranya menyebut, setiap bangunan awam seperti pusat perubatan, tempat keagamaan, sekolah dan kolej, pasaraya dan lain-lain lagi sepatutnya telahpun mempunyai kemudahan untuk golongan kurang upaya. Kehendak ini jelas telah diketengahkan semenjak dahulu lagi menerusi pindaan yang dilakukan oleh Undang-undang Kecil Bangunan di bawah Akta Jalan, Perparitan dan Bangunan 1974.

Namun pindaan yang dilakukan tidak memberikan kesan yang mendalam pada bangunan sedia ada masa kini. Biarpun ada di antaranya yang melaksanakan tanggungjawab tersebut tetapi ia masih lagi tidak memadai sekiranya perlaksanaan ini hanya sekadar berlaku pada segelintir pihak sahaja. Penekanan perlu dilakukan demi menjadikan kemudahan golongan kurang upaya sebagai satu kehendak mahupun keperluan yang perlu ada pada bangunan. Dengan yang demikian, hanya menerusi pengubalan undang-undang oleh kerajaan yang lebih berkesan lagi pada undang-undang kecil bangunan 1984 diharapkan dapat memastikan golongan ini mampu meneruskan kehidupan seiring dengan golongan normal.

Ekoran dari itu, disertasi ini merupakan satu pendedahan kepada semua pihak terutamanya pihak Arkitek dan juga klien mengenai kepentingan, keperluan serta kehendak yang diperlukan dalam merekabentuk bangunan kompleks membeli-belah untuk kemudahan golongan cacat dan kurang upaya.

1.2 Masalah-masalah kajian

Kebanyakan bangunan-bangunan komersil, rumah-rumah dan hotel serta taman-taman tidak dipertimbangkan dalam proses merekabentuk bagi kemudahan orang cacat dan kurang upaya. Jadi secara tidak langsung ianya seolah-olah tidak menggalakkan golongan ini untuk bersosial dan mengembangkan urusan mereka dalam kepelbagaian aktiviti.

Masalah-masalah yang sering dihadapi bukan sahaja dihadapi di Malaysia tetapi berlaku juga kepada negara-negara membangun yang lain iaitu kurangnya undang-undang mengenai kemudahan bangunan untuk orang kurang upaya. Masalah yang paling serius yang dihadapi adalah kekurangan kemudahan laluan untuk semua aspek sosial bagi golongan ini yang mana kurangnya komitmen dari badan-badan kerajaan, sektor swasta dan juga persatuan-persatuan. Terdapatnya fenomena yang mana, walaupun ada akta terhadap kemudahan golongan ini tetapi ianya masih lagi tidak diaplikasikan dengan sepenuhnya oleh pihak tertentu dalam merealisasikan sesebuah projek binaan.

1.3 Matlamat kajian

Tujuan atau matlamat kajian ini dibuat adalah untuk memberikan penjelasan akan kepentingan kemudahan bagi golongan cacat dan kurang upaya khususnya dan orang ramai umumnya pada bangunan kompleks membeli-belah. Ianya juga bertujuan untuk menjadikannya satu sumber yang memberikan maklumat mengenai kehendak-kehendak yang diperlukan oleh golongan kurang upaya seperti ramp, susur tangan dan lain-lain untuk diterapkan pada bangunan-bangunan yang dikaji.

Matlamat kajian ini juga adalah untuk melengkapkan keperluan dan peluang-peluang kepada semua yang terlibat di dalam industri binaan untuk mempelajari dan mengemaskinikan pengetahuan mereka terhadap masalah –masalah dan kehendak-kehendak serta keperluan golongan kurang upaya terhadap rekabentuk dan fungsi sesebuah projek bangunan terutamanya bangunan kompleks membeli-belah.

1.4 Objektif projek

Antara objektif kajian ini dijalankan adalah seperti berikut :-


1. Untuk menyelidik bagaimana Arkitek memahami tanggungjawabnya dalam proses rekabentuk bangunan untuk kemudahan golongan kurang upaya.
2. Untuk mengkaji bagaimana kesan pembinaan bangunan untuk kemudahan golongan kurang upaya kepada kos keseluruhan projek.


3. Untuk menganalisa masalah-masalah yang dihadapi oleh pengguna dari golongan kurang upaya kepada bangunan kompleks membeli-belah.
4. Untuk mendapatkan jalan penyelesaian bagaimana kemudahan untuk golongan kurang upaya dapat diperbaiki dan dipertingkatkan.

1.5 Metodologi

Tujuan metodologi bagi projek ini adalah untuk memberi pandangan yang luas dalam pelbagai aspek dan juga untuk mengumpul maklumat-maklumat dan data-data yang berkaitan untuk mencapai objektif dan juga tujuan kajian yang dibuat. Ianya juga adalah merupakan kajian secara umum yang merangkumi keseluruhan proses penyelidikan yang dijalankan diperingkat permulaan latihan ilmiah sehingga ke peringkat akhir. Antara metodologi yang dijalankan bagi kajian ini adalah:

Jadual 1.0 : Menunjukkan aliran metodologi kajian





1.5.1 Kajian literatur

Kebanyakan maklumat yang didapati adalah hasil dari pembacaan yang telah dibuat. Ianya juga meliputi pembacaan teori-teori yang berkaitan dengan topik perbincangan. Untuk mencapai objektif projek maka kajian literatur yang lebih terperinci telah dibuat. Berikut adalah merupakan sumber-sumber maklumat yang akan digunakan:-

- Pusat sumber Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang dan juga Perak.
- Pusat sumber Universiti Teknologi Mara Kampus Seri Iskandar Perak.
- Pepustakaan Tun Abdul Razak Ipoh Perak.
- Majalah-majalah, artikel-artikel dan juga buku-buku yang berkaitan dengan tajuk kajian.
- Internet/ komputer.

1.5.2 Soal selidik

Soal selidik akan dijalankan, bagi tujuan untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang lebih terperinci lagi berkenaan dengan projek yang dikaji. Di dalam kajian ini soal selidik hanya dibuat kepada jurureka bangunan iaitu Arkitek. Ini adalah kerana Arkitek merupakan orang yang bertanggungjawab dalam memastikan sesebuah bangunan itu mengikut segala prosedur dan undang-undang bangunan yang telah ditetapkan. Soal selidik juga akan dijalankan kepada golongan kurang upaya serta pengunjung-pengunjung kompleks membeli-belah.

1.5.3 Menemuduga

Temuduga akan dijalankan bagi tujuan untuk mendapatkan maklumat yang lebih terperinci lagi mengenai tajuk kajian. Ianya dapat digabungkan dengan soal selidik kerana matlamat kajian adalah sama. Cara ini adalah lebih berkesan kerana dapat bertemu secara terus bagi tujuan untuk mendapatkan jawapan dan maklumat yang lebih tepat lagi berkenaan dengan kajian yang dibuat.

1.5.4 Kajian kes

Kajian kes adalah penting bagi melihat projek sebenar dan dapat membuat kajian secara terus berkenaan dengan tajuk yang dibuat. Kebanyakan maklumat-maklumat mengenai kajian kes adalah datangnya dari peringkat temuduga yang dijalankan. Maka secara tidak langsung segala maklumat yang penting dapat diperolehi dengan mudah bagi merealisasikan tajuk kajian. Kajian kes banyak ditumpukan kepada kompleks membeli-belah yang terdapat di sekitar Kuala Lumpur dan Selangor. Ini

adalah kerana terdapatnya pelbagai jenis kompleks membeli-belah yang canggih dan terkini dibina disekitar Bandar tersebut dan pada masa yang sama juga jumlah penduduk dan pengunjung yang berada disekitar kedua-dua Bandar ini adalah ramai jika di bandingkan dengan bandar yang lain.

1.6 Skop kajian

Pendedahan awal kajian bermula daripada perolehan maklumat mengenai ketagori golongan cacat dan kurang upaya dan telah dikenalpasti menerusi peratusan yang diberikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat. Dengan demikian, segala bentuk keperluan dan kehendak golongan ini cuba diketengahkan melalui maklumat yang diperolehi samada menerusi penerapan kemudahan ini yang dilakukan di luar negara ataupun melalui piawaian yang telah tersedia ada di Malaysia . Maklumat ini adalah sebagai rujukan bagi melihat keberkesanannya pada bangunan pasaraya yang menjadi kajian kes.

Kajian masih lagi berkaitan skop kajian di bahagian pertama tetapi dalam keadaan lebih terperinci kepada satu bangunan yang menjadi kajian kes iaitu kemudahan bangunan kompleks membeli-belah yang ada di Malaysia untuk kemudahan golongan kurang upaya. Ia melibatkan pemerhatian kepada bahagian luar juga bahagian dalam bangunan tersebut bagi mengenalpasti kelemahan yang ada agar dapat dibuat rumusan dan perbandingan serta cadangan-cadangan bagi membaiki kemudahan sediaada terutamanya bagi golongan kurang upaya .

1.7 *Batasan-batasan kajian*

Di dalam menjalankan kajian ini, terdapatnya beberapa batasan dan masalah yang timbul, antaranya ialah:-

- Tidak mendapat kerjasama yang baik dengan pihak klien dan pemaju apabila sesi temuduga dijalankan.
- Pihak Arkitek tidak memberikan kerjasama yang baik apabila kajian soal-selidik dijalankan, di mana golongan ini tidak menghantar kembali borang jawapan yang diperlukan bagi memudahkan penemuan dan kerja-kerja kajian dibuat.
- Kurangnya bahan-bahan rujukan yang terkini seperti majalah, buku teks, keratan akhbar dan lama web, yang membicarakan mengenai kajian yang dibuat bagi golongan kurang upaya. Kebanyakan penulis hanyalah terdiri dari penulis luar negara dan bahan-bahan rujukan juga kebanyakannya datang dari luar negara. Oleh itu penulis tidak mendapat gambaran sebenar mengenai kajian yang dibuat di Malaysia.
- Masa yang terhad dalam membuat kajian dan laporan keseluruhan projek.

BAB 2.0 - TAKRIFAN GOLONGAN CACAT DAN KURANG UPAYA SERTA AKTA YANG TERLIBAT.

2.1 *Definisi dan takrifan*

a) Golongan kurang upaya

Jabatan Kebajikan Masyarakat mentakrifkan golongan kurang upaya sebagai seseorang yang tidak berupaya menentukan sendiri bagi memperolehi sepenuhnya atau sebahagian daripada keperluan biasa seseorang individu dan atau tidak dapat hidup masyarakat sepenuhnya disebabkan kekurangan samada dari segi fizikal atau mental dan samada ia berlaku semenjak lahir atau kemudian dari itu.

Menurut 'Malaysian Standard; golongan kurang upaya adalah orang yang mengalami masalah fizikal, pendengaran dan penglihatan. Keadaan yang dialami oleh mereka memberi kesan terhadap pergerakan dan kepenggunaan sesuatu bangunan.

Menurut Bettyann pula, orang kurang upaya ialah mereka yang dianggap boleh dibantu melalui perancangan dan rekabentuk yang bersesuaian dengan keadaan sekeliling. Menurut Laporan tahunan Antara orang-orang cacat pada (1981) (Kementerian Kebajikan Am) ada mengatakan sesetengah orang cacat dan kurang upaya memerlukan penjagaan dan sesetengahnya mampu melakukan sesuatu tanpa bantuan orang lain.

Persatuan kesihatan sedunia (1992) pula mentakrifkan ketidakupayaan sebagai satu sekatan atau batasan akibat dari kekurangan yang dihadapi akibat dari kecacatan yang dialami samada sejak lahir atau kemalangan.

b) Golongan cacat

Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia mentakrifkan kecacatan sebagai keadaan seseorang yang tidak berdaya menggunakan keupayaan fizikal atau mentalnya dalam menyediakan keperluan asas sepenuhnya dan sebahagian bagi dirinya sebagai individu normal dan kehidupan social.

Manakala menurut Goldsmith (1997) pula, kecacatan adalah merupakan satu kekurangan jangka panjang yang boleh mengakibatkan kesan yang negatif bagi keupayaan individu dalam mencapai kebebasannya.

Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), mendefinisikan kecacatan sebagai mereka yang kurang kecenderungan untuk menjaga keselamatan, kekal setempat sukar untuk melanjutkan pelajaran, sukar untuk melakukan kerja-kerja dan berrekreasi seperti ahli masyarakat lain disebabkan oleh fizikal atau mental yang tidak sempurna.

2.2 Kategori golongan cacat dan kurang upaya.

Terdapat empat kategori kurang upaya yang didaftarkan iaitu:

a) Kurang upaya penglihatan

Golongan ini adalah golongan yang tidak boleh melihat langsung. Ada juga yang dikategorikan sebagai yang mempunyai penglihatan yang terhad, tidak boleh melihat dengan terang atau jelas seperti orang biasa walaupun dengan menggunakan cermin mata atau 'contact lens'. Individu yang mengalami kecacatan ini sebahagian atau keseluruhannya deria penglihatan yang menghadkan atau menyukarkan penggunaan kemudahan yang terdapat di dalam kompleks membeli-belah. Mereka yang mengalami kecacatan penglihatan lazimnya bergantung kepada deria lain seperti deria pendengaran, sentuhan dan bau.

Menurut MS 1184: 1991 (Code of Practice for access for disabled people to public building) pula, golongan cacat dan kurang upaya adalah golongan yang tidak sempurna dari segi fizikal, pendengaran dan penglihatan yang mana akan menjejaskan pergerakan atau penggunaan mereka ke atas bangunan.

b) Kurang upaya pendengaran

Golongan ini termasuklah golongan yang pekak dan bisu samada dari lahir ataupun selepas mengalami kemalangan. Individu yang mengalami kecacatan ini akan mengalami keadaan yang sama seperti mereka yang mengalami kecacatan penglihatan. Mereka biasanya hanya bergantung kepada deria lain seperti penglihatan, tuturan bibir dan sentuhan .

c) Kognitif / Kurang upaya akal

Golongan ini mempunyai kecerdasan otak yang tidak selaras dengan usia seperti down syndrom dan lembam. Individu yang mengalami kecacatan ini biasanya mengalami penyakit mental atau ketidakupayaan dari segi perkembangan dan pembelajaran yang mempengaruhi cara berfungsi dan persekitaran mereka.

d) Kurang upaya anggota

Golongan ini termasuklah kecacatan badan sama ada kehilangan atau tiada suatu anggota atau kurang upaya di mana-mana bahagian badannya. Ini termasuklah mereka yang berpenyakit polio, kudung, lumpuh separuh atau sebelah badan dan spastik.

Golongan tua juga adalah merupakan mereka yang tergolong di dalam golongan kurang upaya (bukan cacat) kerana kekurangan pada keadaan fizikal dan tenaga disebabkan oleh factor usia yang semakin meningkat. Golongan kanak-kanak juga digolongkan dalam golongan kurang upaya (bukan cacat) kerana keadaan fizikal yang kecil dan usia yang muda serta memerlukan pengawasan dari orang dewasa bagi mengelakkan sebarang kemalangan berlaku.

2.3 Perkhidmatan pemulihan orang kurang upaya

Perkhidmatan ini diwujudkan untuk menolong orang kurang upaya supaya dapat berdikari dan membolehkan mereka menjadi anggota masyarakat yang lebih produktif sejajar dengan kebolehan dan keupayaan mereka.

Berdasarkan pembahagian jenis kecacatan yang disediakan dan maklumat yang diperolehi hasil rujukan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia keluaran Januari 1996, telah dicatatkan bahawa peningkatan peratusan golongan cacat dan kurang upaya adalah secara selari dengan pertambahan penduduk. Berikut adalah laporan pertambahan golongan cacat dan kurang upaya di kalangan penduduk :

- a) 1980 - 143,000 dari 14.3 juta penduduk
- b) 1985 - 161,795 dari 16.2 juta penduduk
- c) 1990 - 185,306 dari 18.5 juta penduduk
- d) 1995 - 201,496 dari 20.1 juta penduduk

Seterusnya daripada bancian yang diperolehi, peratusan golongan cacat tertinggi terdiri daripada golongan yang mengalami kecacatan anggota. Berdasarkan kepada perolehan kajian berkenaan, maka golongan ini merupakan sasaran utama golongan yang menggunakan kemudahan pada bangunan. Berikut adalah carta yang menunjukkan bilangan golongan cacat anggota menurut peringkat umur.

Jadual 2.0 : Menunjukkan bilangan orang cacat mengikut peringkat umur


Kategori umur	Bilangan orang cacat			
	1980	1985	1990	1995
Umur				
0-5	3749	4252	5169	6357
6-17	14675	16649	18372	20158
18-24	17975	20372	24980	27046
35 ke atas	23516	26679	29628	32467
Jumlah	59915	67952	78149	86028

Sumber : Laporan Kebajikan Masyarakat Malaysia 1996.

Berdasarkan kepada jadual berkenaan, dapatlah dirumuskan bahawa golongan cacat anggota yang terdiri daripada kategori umur 6 hingga 17 tahun serta umur 18 hingga 24 tahun merupakan pengguna tertinggi yang akan menggunakan kemudahan golongan cacat kurang upaya. Ini adalah disebabkan kategori umur tersebut terdiri dari golongan remaja yang masih lagi berada di peringkat pengajian dan juga di peringkat pekerjaan. Dengan yang demikian, sewajarnya kemudahan untuk kemudahan golongan kurang upaya dan cacat ini dijadikan satu kemudahan yang perlu ada pada bangunan berdasarkan kepada kepentingan masa kini.

2.4 *Populasi golongan kurang upaya yang berdaftar di Malaysia*

Berdasarkan Jabatan Kebajikan Masyarakat, jumlah bilangan orang cacat dan kurang upaya yang berdaftar di Malaysia semakin bertambah dari tahun ke tahun selaras dengan pertambahan penduduk yang semakin meningkat tidak kira apa jua bangsa sekalipun.



Ini adalah disebabkan peningkatan populasi golongan kurang upaya selaras dengan peningkatan teknologi sains perubatan yang telah berjaya menyelamatkan nyawa-nyawa kemalangan dan juga meningkatkan kesedaran orang ramai tentang kepentingan golongan ini di dalam kehidupan seharian.

2.5 Akta dan perundangan yang terlibat dengan kehendak golongan cacat dan kurang upaya.

Persatuan Sosial telah menggolongkan kehendak-kehendak bangunan supaya kemudahan laluan masuk mestilah bersesuaian dan boleh digunakan oleh semua golongan kurang upaya. Untuk kemudahan laluan bagi bangunan baru sepatutnya tidak menjadi masalah lagi kerana terdapatnya satu undang-undang bangunan yang telah ditubuhkan sejak tahun 1985 lagi.

a) AKTA (The Disability Discrimination Regulations 1996)

Undang-undang Bangunan dan Diskriminasi golongan kurang upaya mempunyai kuasa dalam memotivasikan dan meransangkannya untuk diaplikasikan oleh pemilik bangunan, pemaaju dan juga ahli-ahli professional yang terlibat dalam industri pembinaan bagi memastikan bangunan yang bakal dibina adalah lebih bersifat 'user-friendly' kepada semua golongan termasuklah golongan kurang upaya.

Akta ini juga memperuntukkan bahawa setiap individu yang menghasilkan barangan, kemudahan dan perkhidmatan haruslah tidak membezakan di antara golongan kurang upaya dengan orang biasa. Ini termasuklah kepada kebanyakan organisasi, persatuan dan pertubuhan kecil. Perkara yang dipertekankan di dalam akta ini adalah

kemudahan dalam bidang pelajaran, pengangkutan dan juga bangunan-bangunan komersil.

Antara perkhidmatan yang diberikan adalah:-

- Perkhidmatan kepada golongan kurang upaya.
- Mengadakan perkhidmatan yang baik kepada golongan ini mengikut mutu dan sikap yang telah ditetapkan.
- Memberi perkhidmatan yang berfaedah dan membawa keuntungan kepada kedua-dua belah pihak iaitu golongan kurang upaya dan golongan biasa.

Undang-undang atau akta ini juga termasuklah penglibatan ahli-ahli professional dan juga pengurusan semua jenis bangunan termasuklah rumah dan lain-lain bangunan. Antara tujuan utama berkenaan dengan perkhidmatan yang diberikan adalah secara kemudahan laluan masuk kepada bangunan dan juga perkhidmatan di dalam bangunan tersebut.

Konsep ini mengkehendaki pihak klien untuk memberi nasihat di dalam skop kajian tersebut dan menggalakkan supaya kehendak-kehendak golongan ini mestilah diambilkira apabila hendak mendirikan sesuatu bangunan dan haruslah mengikut Akta yang telah ditetapkan (sebelum ini Akta atau undang-undang Bangunan 1991 ; kemudahan laluan masuk kepada golongan kurang upaya telah digunakan).

b) Seksyen 34A, Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (Pindaan) 1986.

Pindaan seksyen 34A ini adalah bertujuan untuk memberikan asas bagi mengawal peruntukan akses untuk golongan cacat dan kurang upaya dalam bangunan-bangunan kegunaan awam termasuklah bangunan kompleks membeli-belah. Mengikut Seksyen 34A(1), bangunan atau bahagian daripadanya di mana undang-undang kecil ini terpakai, hendaklah menyediakan akses dan kemudahan bagi membolehkan golongan kurang upaya masuk dan keluar darinya dan direkabentuk untuk kegunaan orang-orang kurang keupayaan. Peruntukan akses ini perlulah mematuhi Piawaian Malaysia MS 1184 dan MS 1183. Kedua-dua piawaian ini akan dijelaskan bahagian kod amalan akses untuk golongan cacat dan kurang upaya.

Seksyen 34A(3) pula memperuntukkan bahawa bangunan-bangunan yang sedia ada, sedang didirikan ataupun belum didirikan, perlulah membuat pengubahsuaian supaya mematuhi undang-undang kecil ini dalam tempoh masa tiga tahun dari tarikh penguatkuasaan. Manakala Seksyen 34A(4) memperuntukkan kuasa kepada pihak berkuasa tempatan untuk membenarkan lanjutan jangka masa, variasi atau penyimpangan atau pengecualian daripada pelaksanaan undang-undang kecil ini.

Berikut adalah bangunan yang dikehendaki menyediakan kemudahan akses, sebagaimana yang dinyatakan dalam Pindaan Seksyen 34A:

- Pejabat, bank, pejabat pos, kedai, gedung perniagaan, pasaraya dan lain-lain bangunan pentadbiran dan perdagangan; kecuali rumah kedai yang wujud pada masa berkuatkuasaannya undang-undang kecil ini;

- Bangunan-bangunan untuk perjalanan keretapi, jalanraya, laut dan udara dan tempat-tempat yang berkaitan dengannya, bangunan tempat letak kereta dan kilang;
- Hospital, pusat perubatan, klinik dan lain-lain bangunan kesihatan dan kebajikan;
- Restoren, dewan konsert, panggung, pawagam, bangunan masyarakat, kolam renang, bangunan sukan dan lain-lain kedai minuman, bangunan hiburan dan rekreasi;
- Bangunan keagamaan;
- Sekolah, kolej, universiti, zoo, muzium, galeri kesenian, perpustakaan, bangunan pameran dan lain-lain bangunan pendidikan, kebudayaan dan saintifik; dan
- Asrama, hotel dan lain-lain bangunan tempat tinggal selain rumah kediaman keluarga persendirian.

c) Piawaian Malaysia (MS)

Selaras dengan pindaan pada Undang-undang Kecil Bangunan Seragam bagi keperluan aksesibiliti dan kemudahan untuk golongan cacat dan kurang upaya, Institusi Standard dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) telah menghasilkan tiga kod amalan berikut:

i. MS1193 : 1990 (*Code of practice for means escape for disabled people*)

MS1183 diterbitkan pada tahun 1990 yang bertujuan menyediakan garis panduan rekabentuk jalan keluar bagi orang cacat dan kurang upaya di dalam bangunan sewaktu berlaku kecemasan seperti kebakaran.

- ii. MS1194 : 1991 (*Code of practice for access for disabled people to public buildings*)

MS1184 yang diterbitkan pada tahun 1991 adalah satu garis panduan menyediakan kemudahan untuk orang cacat dan kurang upaya di dalam bangunan. Ia menumpukan kepada peruntukan asas yang penting seperti peruntukan tempat letak kenderaan, lorong atau laluan, ramp, tangga, pintu, ruang sirkulasi, rel tangan, lif, tandas dan sebagainya yang perlu digabungkan ke dalam bangunan untuk memastikan bangunan tersebut mudah digunakan oleh golongan ini.

- iii. MS1331 : 1993 (*Code of practice for access for disabled people outside buildings*)

MS1331 yang diterbitkan pada tahun 1993 adalah satu garis panduan bagi menyediakan rekabentuk persekitaran luar bangunan supaya mudah digunakan oleh golongan cacat dan kurang upaya. Ia merangkumi lorong pejalan kaki, jalan raya, jejantas, ramp, rel tangan, tangga, kawasan pejalan kaki, pengcahayaan, perabot jalan, turapan bertekstur, perhentian bas, teksi, komuter, perletakan kenderaan dan symbol dan termasuk juga penyelenggaraan.

Kesemua MS 1183, MS 1194 dan MS 1331 hanyalah merupakan satu panduan rekabentuk untuk kemudahan golongan cacat dan kurang upaya dan tidak mempunyai kuasa perundangan dalam mengawal rekabentuk struktur dan bangunan terutamanya

kompleks membeli-belah. MS 1183 dan MS 1184 telah dimasukkan ke dalam Undang-undang Kecil Bangunan Seragam, manakala MS 1331 yang berkenaan dengan persekitaran luar masih diberi perhatian oleh Jabatan Bandar dan Desa (JPBD).

BAB 3.0 - KAJIAN LITERATUR

3.1 Pengenalan

Kepesatan ekonomi yang dirasai pada tahun 80 an sehingga pertengahan tahun 90 an menyebabkan projek pembinaan tumbuh bagaikan cendawan selepas hujan. Kemajuan ini dapat mencerminkan kepesatan terhadap perkembangan industri pembinaan di negara ini, tetapi apa yang menjadi masalah dari awalnya sehingga ke hari ini ialah masalah terhadap kemudahan bagi golongan cacat dan kurang upaya bagi bangunan-bangunan awam seperti kompleks membeli-belah seringkali diabaikan seterusnya mengakibatkan pelbagai risiko besar yang terpaksa ditempuh dan ditanggung untuk tempoh masa yang panjang.

3.2 Keperluan terhadap pembangunan dan perubahan Akta bagi golongan kurang upaya (Malaysian Standard Codes).

Satu pembentukan undang-undang yang baru telah diperkenalkan dan diperbaiki bagi kemudahan laluan masuk kepada golongan kurang upaya. Ianya dikenali sebagai 'Disability Discrimination Act' di United Kingdom yang mana di Malaysia ia dikenali sebagai 'Malaysian Standard Codes of Practices'.

Menurut C. Richard (1997), Akta ini telah memperkenalkan satu peraturan dan kebenaran yang dapat mengurangkan diskriminasi antara golongan kurang upaya